

Ekonomi Malaysia jadi contoh dunia Muslim

BH-13/7/2007

MALAYSIA diiktiraf antara lima negara Islam terbaik di dunia berdasarkan kesesatan ekonomi dan pelbagai pendekatan yang dilaksanakan mengikut syariah termasuk tadbir urus oleh Persidangan Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam ke-19 di Mesir, Mac lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk

Mustapa Abdul Rahman, berkata Malaysia tergolong dalam kumpulan lima negara maju berdasarkan pemerhatian dan penilaian Persidangan Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam di Mesir.

"Persidangan tahunan itu yang dihadiri menteri dan wakil negara Islam meletakkan Malaysia sebaris negara Islam maju lain seperti Emiriyah

Malaysia diiktiraf antara lima negara Islam terbaik di dunia"

Mustapa Abdul Rahman
Ketua Pengarah Jakim

Arab Bersatu (UAE), Turki dan Iran," katanya ketika ditemui pada Persidangan Akademi Fikah Islam Antarabangsa (IIFA) di sini, semalam.

Mustapa yang menghadiri persidangan empat hari itu yang diadakan pada akhir Mac lalu berkata, Malaysia mencapai banyak kemajuan terutama dalam aspek pengurusan dan pentadbiran Islam yang mahu

dicontohi dunia Islam lain.

"Pengiktirafan dunia Islam terhadap Malaysia jelas dilihat apabila kita menjadi tuan rumah kepada IIFA tahun ini. Pertemuan penting ulama dan tokoh pemikir Islam dan fikah selama ini diadakan secara bergilir-gilir dan kita seolah-olah tidak diberi perhatian kerana kerana tidak mempunyai ulama besar," katanya.